



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 18/2017 dari 30 April hingga 6 Mei 2017)

Sejumlah 1,825 kes Denggi telah dilaporkan pada minggu ke-18, iaitu bagi tempoh 30 April sehingga 6 Mei 2017, penurunan 69 kes (3.6%) berbanding minggu sebelumnya (1,894 kes). Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Denggi sehingga minggu lepas adalah 33,144 kes berbanding 45,531 kes bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 12,387 kes (27.2%). Terdapat enam (6) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Melaka 14 kes (77.8%), Perlis 1 kes (50.0%), Negeri Sembilan 27 kes (35.5%), Kedah 15 kes (34.9%), Kelantan 6 kes (15.0%) dan Perak 3 kes (1.8%).

Untuk makluman, terdapat enam (6) kes kematian Denggi yang dilaporkan pada minggu lepas, menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 80 kematian, berbanding 105 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2016, pengurangan sebanyak 23.8% (25 kematian).

Jumlah lokaliti wabak semasa juga menurun sebanyak 3.5% (25 lokaliti), iaitu 698 lokaliti pada minggu lepas berbanding 723 lokaliti pada minggu sebelumnya. Namun demikian, lokaliti *hotspot* menunjukkan peningkatan sebanyak 13 lokaliti daripada 108 lokaliti pada minggu ke-17 kepada 121 lokaliti pada minggu ke-18 yang melibatkan enam (6) buah negeri iaitu Selangor (79 lokaliti), WPKL & Putrajaya (16 lokaliti), Negeri Sembilan (12 lokaliti), Perak (7 lokaliti), Johor (6 lokaliti) dan Pulau Pinang (1 lokaliti).

Sehingga 6 Mei 2017, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima laporan 153 kes Chikungunya, iaitu 69 kes di Baling, 58 kes di Kuala Muda, 18 kes di Gombak, lima (5) kes di Batu Pahat dan satu (1) kes masing-masing di Kulim, Johor Bahru dan Kluang. Terdapat dua (2) lokaliti wabak terkawal di Daerah Kuala Muda iaitu di Taman Berangan dan Taman Ria Jaya Zon F, manakala satu (1) lokaliti wabak tak terkawal iaitu di Taman Ria Zon 4 dan satu (1) lokaliti *hotspot* iaitu di Taman Ria Zon 5.

Berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) ke atas 574 sampel darah dan air kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika mendapati keputusan kesemua ujian adalah negatif. Menurut laporan situasi mengenai virus Zika yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bertarikh 10 Mac 2017, terdapat sebanyak 84 buah negara melaporkan jangkitan virus Zika.

Situasi jangkitan kes Denggi serta Chikungunya perlu diambil perhatian yang wajar oleh semua pihak termasuk individu dan ketua masyarakat. Mereka yang mempunyai tanda-tanda seperti demam, sakit kepala, sakit otot dan sendi serta ruam perlu segera mendapatkan rawatan di klinik atau hospital yang berdekatan. Bagi mereka terutamanya dari kawasan wabak, sila maklumkan kepada para doktor yang merawat kes untuk mempermudah mereka melaksanakan pengesanan awal, dan kemudian dapat memberikan rawatan yang sepatutnya. Ini sekali gus dapat mengurangkan komplikasi dan juga kematian. Maklumat mengenai lokaliti wabak dan *hotspot* boleh didapati daripada aplikasi *iDengue* di laman sesawang <http://idengue.remotesensing.gov.my> atau muat turun melalui aplikasi telefon.

Nyamuk *Aedes* adalah pembawa virus Denggi, Chikungunya dan Zika. Langkah yang bijak adalah memastikan kediaman dan tempat bekerja bebas daripada tempat pembiakan nyamuk *Aedes*. Oleh itu pencegahan melalui pembersihan kawasan persekitaran dan menghapuskan tempat pembiakan *Aedes* seminggu sekali oleh masyarakat adalah sangat penting. Ketua masyarakat terutamanya bagi lokaliti *hotspot* adalah diminta untuk menganjurkan aktiviti gotong royong secara berkala. **Tiada *Aedes*, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**


bp
DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

17 Mei 2017

DATUK DR SHAHNAZ MURAD
Timbale Ketua Pengarah Kesihatan
(Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 18/2017
(30 April hingga 6 Mei 2017)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 18/2017		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 18/2016	
		Minggu 18 (30 April – 6 Mei 2017)		Minggu 17 (23 April – 29 April 2017)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	3	0	2	0	66	0	81	1
2	Kedah	58	2	43	0	513	3	307	1
3	P. Pinang	48	0	52	0	828	5	1,683	10
4	Perak	174	0	171	0	2,956	6	1,763	4
5	Selangor	976	0	1,006	2	17,579	27	24,372	38
6	WP KL & Putrajaya	185	3	241	1	3,173	13	3,166	5
7	N. Sembilan	103	0	76	0	1,483	7	1,181	11
8	Melaka	32	0	18	0	640	0	935	1
9	Johor	123	1	154	1	2,376	10	6,332	10
10	Pahang	24	0	28	0	755	1	1,129	5
11	Terengganu	5	0	11	0	121	0	1,472	13
12	Kelantan	46	0	40	0	1,423	2	976	1
13	Sarawak	14	0	15	1	519	3	989	4
14	Sabah	34	0	37	0	708	3	1,143	1
15	WP Labuan	0	0	0	0	4	0	2	0
	MALAYSIA	1,825	6	1,894	5	33,144	80	45,531	105

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 18/2017
(30 April hingga 6 Mei 2017)**

Bil	Negeri	Daerah	Lokaliti	Kumulatif Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	Selangor	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	160	277
2	Selangor	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	111	177
3	Selangor	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	54	150
4	Selangor	Hulu langat	Jalan 1-8 Taman Desa Mewah	36	130
5	Selangor	Petaling	Tmn Sg. Besi Indah 2	32	118
6	Selangor	Petaling	Tmn Saujana Puchong Sp 8	31	112
7	Wilayah persekutuan	Cheras	Ppr Desa Tun Razak	21	111
8	Wilayah persekutuan	Cheras	Desa Tasik Polis (Blok 19-49)	48	109
9	Selangor	Hulu langat	Jalan Tps 4/1-4/9 Taman Pelangi Semenyih	44	109
10	Selangor	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Brunnsfield Riverview)	54	102

11	Selangor	Hulu langat	Jalan Mutiara Taman Sri Nanding	37	102
12	Selangor	Hulu langat	Seksyen 3 Bandar Teknologi	29	93
13	Perak	Kinta	Tmn Cempaka	68	92
14	Wilayah persekutuan	Cheras	Flat Sri Kota	34	91
15	Selangor	Hulu langat	Jalan 15/1 Seksyen 15 Bandar Baru Bangi	23	89
16	Perak	Kinta	Tmn Mewah,Ulu Kinta	32	86
17	Selangor	Hulu langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	13	85
18	Selangor	Hulu langat	Appt Taman Setia Balakong	21	82
19	Selangor	Petaling	Seksyen U2 (Pangsapuri Jaya)	44	81
20	Negeri sembilan	Seremban	Taman Desa Anggerik (Jln. Bbn 9/2)	26	80
21	Selangor	Gombak	Tmn Melawati (J)	17	80
22	Selangor	Petaling	BI Pju 6 Flat Pelangi Damansara (D, E, F)	29	80
23	Selangor	Petaling	Tmn Serdang Perdana Sp 5 (Sky Villa, Kesidang & Rumah Kedai)	28	80

24	Selangor	Petaling	Tmn Puchong Permai (Flat Blok F)	18	78
25	Perak	Kinta	Kg Das Tambahan 2	19	76
26	Selangor	Gombak	Appt Julia	31	76
27	Perak	Kinta	Tmn Menglembu Impiana Adril	27	75
28	Wilayah persekutuan	Cheras	Kem Sg Besi (Upnm)	72	74
29	Selangor	Gombak	Appt Laguna Biru	59	73
30	Selangor	Hulu langat	Jalan Perdana 6/2,6/4,6/6,6/8&6/10 Pandan Perdana	15	73
31	Selangor	Petaling	Tmn Saujana Puchong Sp 7	13	70
32	Selangor	Hulu langat	Pandan Height Kondo Taman Pandan Mewah	24	70
33	Selangor	Klang	Tmn Setia (Jln Setia 2)	36	69
34	Selangor	Petaling	Seksyen U13 (Pangsapuri Seroja)	10	69
35	Wilayah persekutuan	Cheras	Kg. Malaysia Tambahan(Jln 1- 19/141)	27	68
36	Selangor	Hulu langat	Rumah Pangsa Sri Muhibbah	16	67
37	Wilayah persekutuan	Cheras	Ppr Sri Alam B (Blok 6 - Blok 12)	11	66

38	Negeri sembilan	Seremban	Taman Arowana Impian	15	65
39	Selangor	Petaling	Seksyen U10 (Puncak Perdana : Uitm)	71	64
40	Negeri sembilan	Seremban	Taman Tuanku Jaafar Fasa 3	25	62
41	Johor	Johor bharu	Bdr Sri Alam Flat Tasek 64	17	62
42	Selangor	Hulu langat	Rumah Kedai Taman Putra Kajang	33	60
43	Selangor	Hulu langat	Appt Kasturi Taman Kosas	18	60
44	Selangor	Petaling	Seksyen 6 (Teres A : Jln 6/1a - 6/2f & 6/9a - 6/10a)	10	60
45	Wilayah persekutuan	Cheras	Flat Taman Mulia (Blok C,D,E,F)	16	59
46	Selangor	Petaling	Seksyen U7 (Tudm Subang D : Blok F1 - F8 & E1 - E2)	13	58
47	Negeri sembilan	Seremban	Taman Desa Anggerik (Jln. Bbn 9/1)	20	57
48	Selangor	Gombak	Appt Orkid Bkt Indah	20	56
49	Selangor	Petaling	Seksyen 7 (Teres K : Jln 7/70 - 7/89)	9	54
50	Negeri sembilan	Seremban	Taman Rasah Jaya Fasa 5	15	54

51	Selangor	Petaling	Seksyen 20 (Kuarters Polis : Blok 5 - 12)	10	54
52	Wilayah persekutuan	W/p putrajaya	Presint 9 Parcel 10	13	54
53	Selangor	Petaling	Seksyen U19 (Tmn.Sri Buloh&Rmh Mrh Pkns:Jln U19/1- U19/12c&Rmh Pngsa Tmn Sri Blh)	16	53
54	Pulau pinang	Timur laut	Kuarters Penjara	98	49
55	Selangor	Petaling	Tmn Lestari Perdana (Lp 7-Flat)	15	48
56	Selangor	Hulu langat	Kondominium Sri Angsana Hilir Taman Sri Angsana Hilir	11	48
57	Johor	Johor bharu	Bdr Uda Utama _Uda Utama 1/	7	47
58	Selangor	Klang	T.S (Jln Dato Abdul Hamid 14)	12	46
59	Negeri sembilan	Seremban	Appartment Desa Anggerik	27	46
60	Selangor	Hulu langat	Jalan Impian Kasih Saujana Impian	26	46
61	Selangor	Hulu langat	Taman Harmoni Balakong	8	46

62	Selangor	Petaling	Usj 15 (Subang Perdana Goodyear Court 10a) Blok Aa-Aq	22	46
63	Selangor	Petaling	Seksyen 8 (Flat B : Blok 11 - 22)	10	45
64	Selangor	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	35	45
65	Perak	Kinta	Teluk Kurin B	10	45
66	Wilayah persekutuan	Cheras	Kem Sg.Besi (Jalan Labuan)	7	45
67	Wilayah persekutuan	Cheras	Flat Sri Melaka B (Blok 26-40)	11	44
68	Selangor	Petaling	Tmn Pinggiran Putra (Vista Pinggiran)	26	44
69	Negeri sembilan	Seremban	Flat Casurina	22	44
70	Selangor	Sepang	E-Mas Villa	15	44
71	Selangor	Petaling	Tmn Sri Serdang 2 (Jln 18/8-18/28)	11	43
72	Wilayah persekutuan	Cheras	Flat Sri Selangor	12	42
73	Selangor	Petaling	Tmn Bkt Serdang 11 (The Sanderson Condo)	11	42
74	Negeri sembilan	Seremban	Garden Homes (Fasa F)	8	41

75	Selangor	Petaling	Seksyen 7 (Flat D : Blok 52 - 58)	11	41
76	Selangor	Petaling	Tmn Serdang Jaya 7 (Pkns/ Bosnia)	16	41
77	Selangor	Hulu langat	Appt Astaria Taman Kosas	5	41
78	Selangor	Petaling	Seksyen U2 Taman Perindustrian Saujana Indah	7	40
79	Selangor	Hulu langat	Kuarters Hospital Ampang	5	40
80	Selangor	Petaling	Seksyen 17 Teres C (Jln 17/25 - 17/30)	8	40
81	Selangor	Petaling	Tmn Bkt Kinrara 1 (Melor)	8	39
82	Selangor	Petaling	Bdr Kinrara 6f (Enggang Apt)	8	39
83	Selangor	Petaling	Seksyen U3 (Pangsapuri Daisy C : Blok 9 - 13)	10	39
84	Negeri sembilan	Seremban	Taman Pinggiran Senawang	17	39
85	Selangor	Petaling	Bdr Bkt Puchong Bp 1 (Flat Bkt Puchong)	6	39
86	Selangor	Hulu langat	Jalan Pinang Kampung Melayu Ampang	7	38

87	Selangor	Petaling	BI Pju 8 Apt Flora Damansara 1 (Blok A, B)	16	38
88	Selangor	Petaling	Tmn Sri Puchong (P'puri Desa Impian)	8	37
89	Selangor	Kuala selangor	Lorong Cakera Purnama (12/21-12/30)	9	37
90	Selangor	Petaling	Seksyen 20 (Flat A : Blok 1 - 4)	9	37
91	Negeri sembilan	Seremban	Taman Desa Anggerik (Jln. Bbn 9/3)	9	37
92	Perak	Kinta	Cherry Apartment	27	37
93	Selangor	Petaling	Seksyen U2 (Pangsapuri Ilham)	10	36
94	Selangor	Klang	Appartment Golden Villa	10	36
95	Selangor	Petaling	Seksyen 9 (Teres A : Jln 9/1 - 9/5)	6	35
96	Selangor	Klang	Sek 25 (Jln Mantap 25/126 Flat Sri Lembayung)	7	35
97	Selangor	Hulu langat	Casa Villa Condo Sungai Chua	14	35
98	Johor	Johor bharu	Tmn Pulau Utama _Jln Pulau 7-42	9	35
99	Johor	Johor bharu	Tmn Desa Tebrau Harmonium	7	35

100	Johor	Johor bharu	Bdr Sri Alam_Jln Tasek 13-45	6	35
101	Selangor	Klang	Sek 25 (Jln Sabar 25/83)	9	34
102	Selangor	Gombak	Tmn Rawang Perdana Rp 10	10	34
103	Selangor	Petaling	Seksyen 26 (Flat Pprt : Blok A, B, C)	23	34
104	Selangor	Sepang	Apt Kiambang	11	33
105	Wilayah persekutuan	Cheras	Jalan Pudu (Balai Polis Pudu)	9	33
106	Negeri sembilan	Seremban	Tmn Desa Melor	4	33
107	Wilayah persekutuan	Titivangsa	Desa Tun Hussein Onn (Blok E1-E5)	12	33
108	Johor	Johor bharu	Danga Bay_Rumah Kongsy Country Garden Plot 5	17	33
109	Wilayah persekutuan	Cheras	Vista Amani Kondo	8	33
110	Wilayah persekutuan	Cheras	Flat Sri Sabah B(Blok 62-70)	5	33
111	Selangor	Petaling	Tmn Serdang Perdana Psn Perdana (One South)	16	33
112	Negeri sembilan	Seremban	Flat Taman Semarak	7	32
113	Selangor	Petaling	Tmn Perindustrian Pbp 3 (Beringin Apt)	23	32

114	Selangor	Petaling	Seksyen 20 (Teres D : Jln 20/12 - 20/13f)	7	32
115	Perak	Kinta	Tmn Merdeka	5	32
116	Selangor	Petaling	Seksyen 8 (Teres B Jln 8/14 - Jln 8/28)	7	32
117	Selangor	Hulu langat	Jalan 7/3 Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	4	31
118	Wilayah persekutuan	W/p putrajaya	Presint 18 - Parcel R13	5	31
119	Selangor	Gombak	Kg Baru Bt Caves	5	31
120	Selangor	Hulu langat	Jalan Impian Jaya Saujana Impian	12	31
121	Selangor	Hulu langat	Jalan 4/9-4/32 Pandan Indah	7	31